

17 JAN 1998

Mahathir-Dagangan

TINGKATKAN DAGANGAN DALAM KEADAAN SEKARANG, KATA MAHATHIR

JAKARTA, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah lebih penting bagi Malaysia dan Indonesia meningkatkan kerjasama perdagangan terutama dalam keadaan masing-masing sedang menghadapi masalah ekonomi bagi mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam perdagangan.

Perdana Menteri berkata kedua-dua negara sepatutnya menggunakan mata wang masing-masing dalam meningkatkan kerjasama perdagangan dan hanya menggunakan mata wang dolar yang dimiliki sedikit oleh mereka untuk urusan jual beli yang sememangnya memerlukan penggunaan dolar.

Dr Mahathir berkata demikian kepada wartawan tempatan dan asing di kediaman Presiden Suharto di Jalan Cendana di sini selepas kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan selama lebih satu setengah jam sempena kunjungan singkat Perdana Menteri ke Jakarta.

Suharto yang turut berada di samping Dr Mahathir pada persidangan berita itu bagaimanapun tidak memberikan sebarang kenyataan.

Menurut Dr Mahathir, soal meningkatkan perdagangan antara negara-negara Asean merupakan antara keputusan yang dipersetujui ketua-ketua kerajaan Asean pada persidangan mereka di Kuala Lumpur bulan lepas.

"Oleh kerana kita kekurangan mata wang dolar (Amerika), kita harus memikirkan cara meningkatkan dagangan tanpa menggunakan mata wang asing tetapi sebaliknya menggunakan mata wang sendiri seperti Indonesia menggunakan rupiah dan Malaysia menggunakan ringgit," katanya.

Mengenai lawatannya itu, Dr Mahathir berkata ia bertujuan untuk berjumpa dengan Presiden Suharto kerana beliau (Suharto) tidak dapat menghadiri persidangan ketua-ketua kerajaan Asean di Kuala Lumpur bulan lepas.

Dr Mahathir berkata sebagai pengerusi persidangan itu beliau memang berhajat untuk menyampaikan kepada Suharto keputusan-keputusan yang telah diambil pada mesyuarat ketua-ketua kerajaan Asean beserta Jepun, China dan Korea Selatan itu tetapi oleh kerana Suharto kurang sihat, perkara itu terpaksa ditangguhkan sebelum ini.

"Selain itu, saya juga ingin mendengar daripada Presiden Suharto sendiri tentang perkara-perkara yang melibatkan kewangan di Indonesia," katanya.

Ketika ditanya sama ada mereka membincangkan langkah-langkah menyelamatkan ekonomi, Perdana Menteri berkata tidak ada langkah seumpama itu yang dibincangkan kecuali mereka membincangkan keperluan bagi menentukan mekanisme untuk mengadakan dagangan tanpa menggunakan mata wang asing kerana masing-masing negara kini kekurangan mata wang dolar.

Ketika ditanya sama ada krisis ekonomi di Indonesia memberi kesan keselamatan terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa merasakan bahawa jiran-jiran akan lebih baik sekiranya mereka dalam keadaan yang lebih berada.

"Kami percaya kepada soal memakmurkan jiran kerana sekiranya jiran bermasalah, sudah tentu masalahnya akan melimpah juga kepada kami," katanya.

Mengenai laporan yang mengatakan Malaysia akan menghantar pulang pekerja asing, Dr Mahathir berkata Malaysia sebenarnya tidak akan mengusir mereka tetapi sebaliknya mengeluarkan amaran bahawa di Malaysia tidak ada lagi pekerjaan.

Beliau berkata Malaysia bagaimanapun tetap akan berusaha sebaik mungkin untuk mengalihkan mereka ke bidang pekerjaan lain yang tenaga mereka

diperlukan seperti dalam bidang pembuatan dan perladangan walaupun sektor-sektor berkenaan juga tidak seaktif dulu.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai memorandum 50 perkara yang telah dipersetujui Indonesia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang ditandatangani Presiden Suharto di sini Khamis lepas bagi melaksanakan reformasi ekonomi yang menyeluruh bagi memulihkan krisis ekonomi Indonesia.

Terhadap perkara itu Dr Mahathir berkata: "Itu merupakan satu perkara yang ditentukan oleh Indonesia sendiri. Kami tidak ada apa-apa pandangan...itu tentulah terpulang kepada kebijaksanaan Indonesia sendiri."

Memorandum itu termasuk langkah pengkajian semula cadangan belanjawan negara 1998/1999 yang dianggap IMF sebagai "terlampau optimistik dan tidak realistik" serta penghapusan monopoli tertentu.

Terdahulu itu, ketibaan Dr Mahathir di kediaman keluarga Presiden Republik Indonesia di Jalan Cendana pada pukul 11.25 pagi waktu tempatan (12.25 waktu Malaysia) disambut oleh Presiden Suharto sendiri. Dalam kunjungan itu, Perdana Menteri diiringi oleh Duta Besar Malaysia ke negara ini, Datuk Zainal Abidin Alias.

Dr Mahathir berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah pertemuan itu.

Lawatan Dr Mahathir itu merupakan yang kedua oleh pemimpin negara Asean dalam minggu ini sejak Indonesia dilanda krisis mata wang yang serius berikutan kejatuhan menjunam nilai rupiah sehingga melebihi paras 10,000 sedolar pada 8 Jan.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong Selasa lepas mengadakan pertemuan kira-kira sejam dengan Presiden Suharto bagi membincangkan krisis mata wang berkenaan. -- BERNAMA

KHY RON